

282(a)

1/78

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN OMI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
PENGERUSI MAJLIS PERMUTAHAN NEGARA
DALAM UPACARA PENBUKAAN SIDANG
MAJLIS KEDUA PADA HARI KHAMIS,
23ND OGOS, 1973 DI BILIK MESYUARAT
SATU, BANGUNAN PARLIMEN JAM 9.30
PAGI.

Y.B. Datuk Menteri Perusahaan Utama,
Y.B. Datuk Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas,
Y.A.B. Datuk Menteri-menteri Besar, dan
Ketua-ketua Menteri,
Tuan-tuan sekalian,

1. Saya mengucapkan berbenyak-banyak terimakasih atas kehadiran Yang Amat Berhormat Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk, dan Tuan-tuan sekalian ke Sidang Majlis Pertutanan Negara pagi ini.

2. Inilah sidang kedua Majlis Perhubungan Negara dan pertama kali saya ditugaskan untuk menguruskan sidang majlis ini semenjak memegang jawatan dan tanggungjawab baru.

3. Saya harap dengan kerjasama Yang Berhormat dan Tuan-tuan sekalian, tanggungan ini dapat saya pikul dengan lalin dan cakap.

4. Sebelum acara selanjutnya diteruskan, saya suka mengambil kesempatan ini untuk kita bersama-sama mengenang dan menghormati jasa bakti bekas Pengerusi

Majlis ini, iaitu Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Datuk Haji Abdul Rahman, kerana khidmatnya patut kita jadikan inspirasi untuk bertugas kepada bangsa dan negara dengan lebih giat lagi. Semoga dikurniakan Allah kepadanya kesenangan di akhirat dan rohnya dimasukkan ke dalam gulungan orang-orang saleh. Bersama-samalah kita membaca Alfatehah dan bagi yang bukan Islam bertafakur seminit untuk roh beliau. Alfatehah

5. Hadir bersama-sama kita hari ini ialah Yang Berhormat Datuk Mohd. Asri, Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas.

6. Sungguhpun beliau bukan ahli Majlis Perhutanan Negara, tetapi beliau telah juga diundang hadir oleh kerana memandangkan pentingnya kaitan perkara tanah dengan hal-hal perhutanan samaada secara langsung atau tidak langsung. Kepada beliau saya ucapkan selamat datang dan terimakasih.

7. Sebagaimana yang kita maklum bahawa perhutanan adalah satu daripada sumber-sumber pendapatan negara yang terbesar dan tumpuan penghidupan yang terpenting di negara kita sekarang ini. Kayukayan mengambil tempat ke dua sebagai sumber hasil yang terbesar dari perdagangan

luar negeri. Dalam sedikit masa lagi, saya yakin perusahaan ini akan terus meningkat menduduki tempat yang lebih tinggi sekiranya usaha mengeksploitasi kayukayan diurus dengan teratur, menggunakan teknik-teknik moden dan berekonomik, disertakan dengan pelaksanaan dasar menggalakkan penubuhan kilang-kilang memproses kayu yang sempurna, mampu memproses khazanah kayu kita dengan sepenuhnya dan mengeluarkan berbagai jenis pengeluaran (products diversification).

8. Matlamatnya ialah akan meninggikan lagi nilai harga bahan kayu kita di pasaran luar negeri dengan

berlipat-lipat ganda. Juga lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan untuk rakyat selain dari memberi mereka kemudahan gunaan bahan-bahan kayu.

9. Sungguhpun industri perkayuan ini sedang meningkat maju dengan pesatnya, tetapi kita juga harus menentukan dari sekarang supaya pengeluaran kayukayan dapat dikekalkan terus menerus hingga bila-bila masa juga. Dengan ini, maka jenerasi yang akan datang tidak akan hilang peluang untuk mereka menggunakan sumber-sumber kayukayan ini.

10. Selain daripada itu, kita juga harus mengekalkan setengah-setengah kawasan hutan asal, bagi tujuan-tujuan

takungan air (catchment areas) dan perlindungan, termasuk perlindungan bagi hidup-hidupan dan tumbuh-tumbuhan dan dari kekotoran udara. Juga bagi mengekalkan imbangan dan kestabilan ekoloji dalam negara yang menurut jangkapanjangnya sangat penting bagi perkembangan ekonomi dan sosial.

11. Oleh yang demikian, adalah perlu dalam mengendalikan pengurusan perusahaan hutan dan eksploitasi kayukayan, supaya pihak Kerajaan Pusat sentiasa mendapat kerjasama yang erat dari semua pihak, samada dari pihak Kerajaan Negeri mahupun dari pihak swasta atau orang-orang perseorangan, terutama dalam melaksanakan segala perancangan yang telah dipersetujui.

12. Dalam pada itu, saya ingin menegaskan per-
mustahaknya perancangan pertanian tidak bercanggah dengan
usaha menanam semula serta mengekalkan hutan, oleh sebab
saya diberitahu ada kawasan hutan yang telah ditanam
dengan jenis kayu yang terpilih, telah terpaksa diambil
oleh pihak lain demi kepentingan pertanian. Saya harap
kordinasi yang lebih berkesan dapat diwujudkan dari masa
kesemasa.

13. Demikian juga saya menekankan mustahaknya usaha
menanam kayu untuk menentukan kawasan hutan sentiasa
terjamin.

14. Kawalan terhadap pengusaha kayu juga adalah penting supaya mereka mematuhi akan syarat-syarat yang dikenakan disamping supaya mereka tidak mencabul kawasan-kawasan lain secara haram. Kejadian seperti ini pernah berlaku dan tindakan patut diambil demi kepentingan negara.
15. Sepertimana yang telah ditegaskan oleh Tun Perdana Menteri pelesen-pelesen hendaklah mempunyai sikap yang bertanggungjawab dan sesiapa yang engkar langkah-langkah yang lebih keras dikenakan.
16. Saya sukalah mengambil peluang di sini mengucapkan berbilang terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri

yang selama ini telah memberikan kerjasamanya dalam banyak hal pengurusan hal-hal perhutanan. Dan kerjasama dan sokongan yang lebih rapat lagi adalah dtharapkan untuk kita menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran.

Terima kasih.





No Siri 559
No Penerimaan 71 / 79